

SOALAN NO. 43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah pindaan kepada Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman gantung mandatori serta nyatakan bilangan warganegara Malaysia yang masih menjalani hukuman gantung di negara lain dan di Malaysia dan jenis sabitan kesalahan mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan satu kajian bagi meneliti isu undang-undang dan dasar hukuman mati dalam negara kita. Kajian tersebut telah dijalankan melalui International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS) oleh Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini. Laporan kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jemaah Menteri seterusnya memutuskan supaya Akta Dadah Berbahaya 1952 dikaji semula khususnya bagi memberi ruang budi bicara kepada Hakim dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan hukuman yang bersesuaian khususnya ke atas kes-kes di mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara, tetapi mungkin peruntukan yang sedia ada Hakim tiada pilihan selain menjatuhkan hukuman mati.

Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2017 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Justeru itu, Kementerian serta agensi yang berkaitan seterusnya akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang baru bersama-sama dengan cadangan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, seramai 651 orang banduan warganegara Malaysia yang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di Malaysia sejak tahun 1992 adalah bagi sabitan di bawah peruntukan kesalahan yang berikut:

- (i) seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 seramai 398 orang;
- (ii) seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574] seramai 238 orang;
- (iii) seksyen 396 Kanun Keseksaan seramai 2 orang;
- (iv) seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] seramai 8 orang;
- (v) seksyen 7 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 seramai 2 orang; dan
- (vi) seksyen 3 Akta Penculikan 1961 [Akta 365] seramai 3 orang.

Warganegara Malaysia yang telah dijatuhkan hukuman mati di negara lain setakat Jun 2017 adalah seramai empat puluh orang. Daripada jumlah itu, tiga puluh tujuh orang masih dalam proses rayuan dan pengampunan

menurut undang-undang negara tersebut dan tiga orang telah menjalani hukuman mati.

Sekian, terima kasih.